

Disediakan untuk: \_\_\_\_\_

Tarikh Cetakan : \_\_\_\_\_

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans Liabiliti Am Komprehensif. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

**Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Penanggung Insurans”/“Kami”)**  
**Nama Produk : Insurans Liabiliti Am Komprehensif**

**1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?**

Polisi ini adalah untuk melindungi Pihak Diinsuranskan terhadap liabiliti pihak ketiga termasuk kos dan perbelanjaan yang ditanggung semasa tempoh indemniti dan disebabkan oleh kejadian berhubung dengan perniagaan Pihak Diinsuranskan.

**2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?**

Polisi ini akan melindungi Pihak Diinsuranskan sehingga ke takat indemniti;-

- Apabila Pihak Diinsuranskan berkewajipan secara sah untuk membayar sebagai ganti rugi untuk
  - a) Kecederaan tubuh badan kepada pihak ketiga atau
  - b) Kerosakan kepada harta ketara pihak ketiga
- Sebagai hasil daripada pelaksanaan kerja kontrak
- Asalkan liabiliti tersebut kepada kecederaan tubuh badan pihak ketiga atau kerosakan kepada hartanya berlaku semasa tempoh polisi.

Tambahan pula, polisi ini turut membayar untuk kos perundangan dan perbelanjaan pembelaan tuntutan tersebut dan terangkum sebagai sebahagian daripada had indemniti.

Tambahan perlindungan :

- Lebihan Liabiliti Automobil
- Liabiliti Berkontrak
- Liabiliti Pencemaran secara Tiba-tiba dan Tidak Disengajakan
- Kerosakan kepada harta sedia ada Prinsipal

Tempoh Indemniti adalah sama dengan tempoh kontrak tetapi mempunyai tempoh ganti rugi maksimum 36 bulan atau 12 bulan dan boleh diperbaharui selepas luput.

**3. Berapakah premium yang perlu Pihak Diinsuranskan bayar?**

Jumlah premium yang Pihak Diinsuranskan perlu bayar boleh berbeza-beza bergantung kepada keperluan pengunderaitan Penanggung Insurans. Faktor-faktor berikut akan mempengaruhi premium tersebut;-

- Nilai Kontrak
- Jangka Masa Kontrak
- Perincian Skop Pekerjaan
- Lokasi Risiko
- Had Indemniti
- Pengalaman dalam perniagaan
- Sejarah kerugian
- Harta sekeliling milik pihak ketiga
- Liabiliti yang ditanggung Pihak Diinsuranskan

**4. Apakah yuran dan caj yang perlu Pihak Diinsuranskan bayar?**

Jenis	%/Amaun
• Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	• 15% daripada premium/RM XX
• Cukai Perkhidmatan	• 6% daripada premium
• Duti Setem	• RM10.00

**5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

- Kepentingan pendedahan

**Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4 (1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans

bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajiban memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Sebuah had indemniti yang sewajarnya diambil.
- Lebihan - merupakan amaun yang akan ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan jika berlaku sesuatu tuntutan
- Insurans ini adalah tertakluk kepada Waranti Premium 60 hari, iaitu premium perlu dibayar dan diterma Penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh ianya bermula. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan polisi dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans berhak ke atas premium pro-rata 60 hari.

**6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak meliputi kerugian-kerugian tertentu seperti:

- Di bawah Akta pampasan pekerja 1952, liabiliti majikan, manfaat hilang upaya, undang-undang pampasan pengangguran atau undang-undang sepertinya;
- Untuk Kerugian Kewangan Sepenuhnya. Terma "Kerugian Kewangan Sepenuhnya" bermaksud sebarang kerugian selain daripada Kecederaan Tubuh Badan dan/atau Kerosakan Harta;
- Bagi libel atau fitnah, atau pelanggaran atau ketirupaan pelan, hak cipta, paten, nama dagangan, tanda dagangan, rekacipta berdaftar atau sebarang hak harta intelek;
- Untuk Kerosakan Harta ke atas mana-mana harta yang dimiliki oleh, didiami oleh atau disewa kepada Nama Diinsuranskan, atau ke atas mana-mana kerja atau operasi yang dijalankan oleh atau bagi pihak Nama Diinsuranskan, atau kepada mana-mana harta di bawah jagaan, kustodi atau kawalan Nama Diinsuranskan;
- Timbul daripada kecuaiian penuh Prinsipal atau mana-mana pihak yang dilindungi;
- Timbul daripada pengambilan atau kegagalan mendapatkan sebarang khidmat profesional;
- Timbul daripada sebarang komoditi, perkara, barangan atau benda yang dijual atau dibekalkan;
- Timbul daripada pemilikan, simpanan, penggunaan atau operasi sesebuah perahu atau pesawat;
- Timbul daripada penalti atau fasal ganti rugi kecairan, atau ganti rugi punitif atau teladan;
- Timbul daripada of talkum berbentuk asbestos, asbestos, diethylstibesterol, dioxin, urea formaldehid, bifenil berpoliklorin, acuan toksik atau medan magnet elektrik;
- Timbul daripada pencemaran atau kecacatan persekitaran dari sebarang jenis melainkan Polisi ini dilanjutkan untuk memberi perlindungan terhadap liabiliti seperti itu ke takat yang dinyatakan di bawah Fasal Liabiliti Pencemaran Tiba-tiba dan Tidak Disengajakan;
- Timbul daripada perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), pencerobohan, tindakan musuh asing, kekerasan, perang saudara, pemberontakan, revolusi, dahagi, kuasa ketenteraan atau rampasan, penjarahan berkaitan dengan itu, sitaan atau kemusnahan oleh mana-mana pihak kerajaan atau pihak berkuasa awam;
- Timbul daripada keganasan (seperti pada Fasal Pengecualian Keganasan);
- Timbul daripada radiasi (seperti pada Fasal Peraturan Pengecualian Kontaminasi Radioaktif); atau
- Timbul daripada operasi merbahaya yang telah disempurnakan (seperti pada Fasal Pengecualian Liabiliti Operasi Telah Siap).
- Timbul daripada kerja-kerja pemusnahan.
- Timbul daripada semua risiko berkaitan transit (contohnya, pengangkutan)

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah Pihak Diinsuranskan membatalkan polisi?**

Pihak diinsuranskan boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada Penanggung Insurans. Setelah pembatalan, Pihak Diinsuranskan tidak layak menerima sebarang pulangan bayaran premium.


**8. Apakah yang perlu Pihak Diinsuranskan lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi?**

Adalah penting bagi Pihak Diinsuranskan memaklumkan kami terhadap sebarang perubahan di dalam perincian maklumat anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada Pihak Diinsuranskan tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh Pihak Diinsuranskan mendapat maklumat lanjut?**

Jika Pihak Diinsuranskan mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan maklumat tambahan, sila rujuk kepada ejen atau cawangan kami atau hubungi Jabatan Khidmat Pelanggan kami di;

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena  
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur.  
Pusat Panggilan Allianz: 1 300 22 5542  
Emel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)  
  AllianzMalaysia  
 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI PASTIKAN YANG LIABILITI ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG SEWAJARNYA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah seperti pada 01/09/2018.